

KULIAH ZOHOR

“Melihat Kepada Roh Syariat ”

Masjid Maarof | 16 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

عن أبي هريرة قال قال رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " أَيُّمَا امْرِئٍ مُسْلِمٍ أَعْتَقَ امْرَأً مُسْلِمًا اسْتَنْقَذَ اللَّهُ بِكُلِّ عَضْوٍ مِنْهُ عَضْوًا مِنْهُ مِنَ النَّارِ "

Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

“Sesiapa yang memerdekakan seorang hamba Muslim, maka tertebuslah setiap anggota badannya melalui anggota badan hamba itu dari neraka.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim

Pengajaran Hadis

1. Hadits ini membicarakan mengenai kelebihan memerdekakan hamba.
2. Jika kita mengkaji hukum Islam, kita akan dapati bahawa syariat mengenai penghambaan tidak pernah berlaku pemansuhkan ke atasnya ketika Rasulullah s.a.w hidup. Maka sebab itu, perhambaan masih terus diamalkan dalam masyarakat Islam beratus tahun setelah kewafatan Rasulullah s.a.w.

3. Tidak bermaksud Islam menggalakkan perhambaan
 - sebaliknya, roh ajaran Islam tidak sama sekali menggalakkannya.
 - Islam ditegakkan atas dasar persamaan dan kebebasan bagi setiap individu

4. Tanda Islam tidak menggalakkan perhambaan ialah;
 - wujudnya syariat mewajibkan Muslim untuk memerdekakan hamba apabila melakukan sesuatu kesalahan
 - anjuran memerdekakan hamba dengan menjanjikan ganjaran yang besar sebagaimana yang dinyatakan dalam hadits ini.

5. Hari ini, perhambaan tidak lagi diamalkan
 - seluruh dunia sepakat ia sebagai kesalahan yang boleh dihukum = “ijma” seluruh manusia dalam hal ini.

4. Tiada pemansukhan, tidak bermakna perhambaan boleh dihidupkan semula pada hari ini
 - bercanggah dengan tujuan syariat itu sendiri yang memuliakan setiap anak Adam dan menjamin kebebasan setiap orang.

6. Bagaimana tanggapan dunia jika umat Islam menghidupkan kembali perhambaan atas dasar ia satu syariat yang tidak termansukh dalam konteks hari ini?
 - bagaimana umat Muslim dapat mensejajarkan (reconcile) dengan prinsip persamaan dan kebebasan dengan amalan perhambaan di hadapan umat lain yang telah pun menolak amalan ini?

7. Ini memberi pengajaran bahawa ada ketikanya tujuan hukum (maqasid syariah) itu lebih penting dari hukum itu sendiri.
8. Sebagaimana penting untuk memahami sesuatu hukum, sama pentingnya juga untuk memahami tujuan hukum
 - gagal memahami tujuan hukum atau berpegang pada zahir hukum semata-mata boleh menyebabkan ketidakadilan dan kesilapan yang serius.
7. Perlu ingat, keupayaan untuk mengaplikasikan kefahaman ini satu perkara yang rumit
 - perlu ketelitian
 - dicapai melalui ilmu yang mendalam disamping taufiq dan hidayah dari Allah taala.

KULIAH ZOHOR

**“Bersikap Optimis, Tidak Bertanggung
Melakukan Kebaikan”**

Masjid Maarof | 16 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَغْرِسَهَا.

Anas bin Malik r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

“Jika hari Kiamat datang dan di tangan seseorang dari kalian terdapat benih kurma, maka jika ia masih sempat menanamnya sebelum Kiamat tiba, tanamlah benih kurma itu.” (Riwayat Al-Bukhari & Ahmad)

Pengajaran Hadis

1. Mengajar erti komitmen dan nilai beramal.
2. Sentiasa berusaha melakukan kebaikan jika terdapat peluang, walau pun esok akan berlaku Kiamat.
3. Beramal untuk kebaikan walaupun tahu tidak mungkin dapat mengecapi hasil di dunia ini.

4. Sesuatu kebaikan tidak semestinya diraih manfaat di dunia ini
 - tetap dapat raih kebaikan, jika ia bermanfaat untuk generasi akan datang.

5. Keperihatinan utama beramal ialah untuk kecapi hasil Akhirat
 - sebab itu, walau pun Kiamat akan berlaku esok dan tahu bahawa kebbaikannya itu tidak menghasilkan apa-apa manfaat di dunia, tetap dianjurkan melakukan kebaikan
 - tidak perlu kecewa jika usaha tidak mendatangkan hasil semasa hidup.

6. Tidak bagus tangguh amal kebaikan yang boleh dilakukan
 - jika tidak bagus tangguh amal, walau pun Kiamat akan tiba esok, apatah lagi dalam situasi yang bukan seperti itu.

6. Rebut peluang melakukan kebaikan sekecil mana sekali pun seperti menanam benih.
7. Jangan pandang remeh sesuatu amal kerana anggap ia amal yang kecil seperti menanam sebiji benih tamar.
8. Kenapa tidak dianjurkan banyak solat atau istighfar, kalau esok Kiamat?
 - amal yang baik ialah yang bermanfaat kepada ramai, bukan hanya untuk diri sendiri sahaja, walau pun esok Kiamat
9. Bersifat optimis, walau pun esok akan berlaku Kiamat.